# ARKIB MAKLUM BALAS JULAI 2016

| BIL | TARIKH ADUAN | FACEBOOK/EMAIL | ADUAN/PERTANYAAN/CADANGAN | TINDAKAN JABATAN/MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 26 JULAI 2016 | TamilVellu | Aduan membersihkan culvet yang tersumbat di kampung Muhibbah Jerantut, semasa hujan,Hal ni menyebabkan banjir Kilat . Pihak berkuasa perlu menggambil tindakan sewajarnya.<br><br>*Ketua Cawagan Kampung Muhibbah jerantut. | aduan telah dimajukan kepada jabatan berkaitan iaitu Jabatan Kejuruteraan |

# ARKIB MAKLUM BALAS OGOS 2016

| BIL | TARIKH ADUAN | FACEBOOK/EMAIL | ADUAN/PERTANYAAN/CADANGAN | TINDAKAN JABATAN/MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 30 OGOS 2016 | Fairis Riduan | ASSALAMUALAIKUM. ..mintak pihak MDJ menangkap anjing berkeliaran....terima kasih..<br><br>LOKASI: Hadapan Pejabat PAIP Jerantut | Mdj ambil maklum masalah ini dan mengambil tindakan nemasang perangkap anjing dilokasi Pej PAIP jerantut. Ini shj usaha yg boleh diambil oleh mdj utk mengatasi masalah anjing berkeliaran setakat ini. |

# ARKIB MAKLUM BALAS SEPTEMBER 2016

| BIL | TARIKH ADUAN | FACEBOOK/EMAIL | ADUAN/PERTANYAAN/CADANGAN | TINDAKAN JABATAN/MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 26 SEP 2016 | Eman Amin | Salam..maaf tanya lg..buat masa ni ada tak mana2 bahagian yg ada kekosongan..? | Belum ada kekosongan jawatan buat masa ini. |
| 2. | 26 SEP 2016 | Syed Muhammad Ameer Al-yahya | Salam admin MDJ..Minta pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap lampu isyarat Simpang utama di masjid dengan lampu isyarat Simpang 4 taman impian dengan taman perdana.. Pengguna dari taman perdana keliru terhadap lampu isyarat dari taman perdana kerana lampu isyarat tidak menyala Simpang utama mengalami kekeliruan dari arah jerantut ke maran(laluan terus) dan ke temerloh(laluan membelok). kekeliruan ini menyebabkan pelancaran trafik sangat teruk sehingga hampir berlaku kemalangan.. saya harap tindakan perlu diambil segera.. terima kasih | Lampu isyarat ini dibawah selenggaraan JKR Jerantut |
| 3. | 26 SEP 2016 | Amin Bazim | Banyak sampah bertaburan kat terminal sentral. Mohon tindakan segera. Jangan ambil ringan soal ini. | Kebersihan kawasan Terminal Sentral sentiasa diberi keutamaan. Pekerja Bahagian Kebersihan ditugaskan membersih Termunal Sentral pada setiap hari termasuk hari sabtu dan ahad. Orang ramai diminta turut bertanggungjawab menjaga kawasan terminal ini. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4. | 27 SEP 2016 | Masyhadi Mazahan | Assalamualaikum Yang Dipertua Majlis Daerah Jerantut,saya Muhammad Masyhadi,Penduduk Taman Damai 3,.saya ingin membuat aduan tentang tiada bonggol di jalan lorong damai 3..apa yang perlu saya buat,surat atau lain lain?<br><br>Terima kasih .satu lagi bonggol yang besi sudah musnah..terima kasih sekali lagi kerana memberi kerjasama. | Jabatan Kejuruteraan MDJ akan membuat siasatan ditapak bagi mengenalpasti keperluan pembinaan bonggol di lorong Damai 3.Pembinaan akan dilaksanakan bila peruntukan diluluskan dan jika didapati bersesuaian. |
| 5 | 28 SEP 2016 | Norzah Isa | Lokasi Taman Pelangi<br>Longkang runtuh<br>Baru saja siap..rasanya tak sampai sebulan pun...dah runtuh..dan air didalamnya pun tak mengalir..di mana silapnya | Aduan akan disiasat. Terima kasih |

## ARKIB MAKLUM BALAS OKTOBER 2016

| BIL | TARIKH ADUAN | FACEBOOK/EMAIL | ADUAN/PERTANYAAN/CADANGAN | TINDAKAN JABATAN/MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 28 OCT 2016 | Mat Nasir | Salam. Kenapa MDJ masih membiarkan papan iklan/promosi perniagaan di simpang-simpang tertentu yang tidak menghormati bahasa kebangsaan. Misalnya di simpang berdekatan masjid daerah.<br><br>Terima kasih atas makluman. Tahniah atas nama persimpangan dengan nama-nama tokoh Pahang. Jika disertakan jawi mungkin lebih memberi makna. Tahniah sekali lagi. | MDJ mengakui kelemahan dalam menjalankan tindakan penguatkuasan menanggalkan iklan yang telah dipasang. Papan iklan yang dipasang disimpang masjid baru, menggunakan sepenuhnya tulisan bahasa cina masih belum ditanggalkan oleh anggota penguatkuasa MDJ himgga kini meskipun arahan supaya menurunkan iklan tersebut telah diberikan sewaktu awal iklan tersebut dipasang lagi.... Inilah kelemahan yang amat nyata....<br><br>Terima kasih, cadangan sdra bagi penggunaan tulisan jawi dipapan tanda akan dibincangkan |